

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Siri-siri dokumentari televisyen sejak dahulu lagi menjadi pemangkin kepada usaha-usaha mendidik masyarakat terutama dalam membetulkan persepsi masyarakat terhadap sesuatu perkara. Contohnya dokumentari mengenai keharmonian hidup di negara ini dapat membantu negara meyakinkan pelabur daripada luar negara untuk datang melabur di negara ini. Antara filem dokumentari terawal mengenai negara kita ialah *Malayan Motor Roads* pada tahun 1920, *Memories of Malacca* pada 1921 dan *Malay Nights* pada tahun 1931(Naim Ahmad, 1995; hlm. 4).

Sebenarnya di sebalik dokumentari yang menarik dan memberi maklumat kepada penonton, apakah yang berlaku di belakang tabir pembikinan sesebuah dokumentari? Berbeza dengan rancangan lain, pembikinan siri dokumentari mempunyai banyak implikasinya. *Robert Flaherty* seorang warganegara Amerika perlu mengembara ke Kanada untuk menghasilkan dokumentarinya yang bertajuk *Nonook of The North* pada tahun 1922. Ia

tema alam semulajadi melalui dokumentari *Warna-Warna Malaysia*. Melalui dokumentari ini, ia berjaya mempromosi keindahan alam semulajadi Malaysia sebagai satu sumber komersial dalam usaha menggalakkan aktiviti melancong di dalam negara sendiri.

Paparan dokumentari ini cukup menarik dan dapat menyemai rasa cinta masyarakat terhadap alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan tropika, sungai, pantai dan pulau-pulau di perairan negara Malaysia.

TV3 juga menghasilkan dokumentari yang memaparkan kisah kehidupan masyarakat seperti siri *Asian Wedding*. Menurut beliau melalui siri ini, masyarakat dapat mengenali budaya bangsa lain dengan lebih mendalam dan ia sekaligus meningkatkan rasa hormat menghormati mengenai adat budaya masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Selain itu, menurut kajian beliau lagi, TV3 juga menghasilkan sebuah dokumentari yang mendapat sambutan masyarakat iaitu *Jejak Rasul*. Dokumentari tersebut berkisar mengenai kembara menyelidiki sejarah Islam di pelbagai negara di seluruh dunia. Siri *Jejak Rasul* ditayangkan pada setiap hari sepanjang bulan Ramadhan.

Ia memaparkan sejarah keagungan tamadun Islam dan menjelaki tinggalan sejarah silam yang mempunyai kaitan dengan perkembangan Islam di sesuatu kawasan. Siri *Jejak Rasul* mempunyai tarikannya sendiri dan diiktiraf sebagai dokumentari terbaik di negara ini sejak 1997 yang lalu.

Pengkaji juga menyelidiki metologi pembikinan sesebuah dokumentari di TV3. Beliau membahagikan susunan kerja yang digunakan oleh bahagian dokumentari TV3 kepada 3 tahap utama iaitu;

- a. pra-produksi
- b. Produksi
- c. Pasca- produksi

Rangka kerja ini membantu penerbit menyiapkan dokumentari berkenaan mengikut *treatment* yang telah dipersetujui. Langkah seterusnya salinan episod berkenaan akan dihantar ke lembaga penapisan filem TV3 untuk tapisan dan penilaian akhir sebelum ditayangkan. Segala komentar dan cadangan lembaga ini akan diteliti sebelum penerbit membuat penyuntingan semula segmen-segmen yang telah ditapis oleh bahagian kawalan mutu TV3.

TV3 mempunyai dasar yang ketat dalam mengawal mutu produk yang mereka hasilkan. Oleh itu para penerbit dan seluruh pasukan kerja produksi

sangat komited dan bersungguh-sungguh apabila diberi amanah dan tanggungjawab memikul tugas menerbitkan rancangan-rancangan dokumentari televisyen untuk tayangan TV3.

Sementara Azman Ridwan Abdullah, 1999/2000 pula membuat kajian mengenai filem dokumentari Melayu bertajuk *Filem Dokumentari Melayu: Satu Analisis Terhadap Bentuk, Konsep dan Perkembangan*. Dalam kajian tersebut, beliau berpendapat penerbitan dokumentari di negara ini secara kuantitatifnya merosot dari tahun 1970-an hingga 1990-an.

Pada tahun-tahun 60-an, pengeluaran dokumentari di negara ini mencapai kemuncaknya dengan penghasilan begitu banyak siri-siri dokumentari yang bertujuan mendidik rakyat dan menanamkan semangat cintakan negara sendiri. Tema yang diberi penekanan dalam penerbitan siri dokumentari ketika itu lebih berkisar mengenai pembangunan di dalam negara dan usaha-usaha menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum.

Menurut pengkaji lagi, walaupun jumlah rancangan dokumentari berkurangan pada tahun 90-an tetapi ia menunjukkan peningkatan dari segi kualiti persembahan sesebuah dokumentari. Para penerbit samaada swasta maupun kerajaan berusaha mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi bagi menerbitkan sesebuah dokumentari. Keadaan ini berlaku kerana saingan

daripada rancangan televisyen yang berbentuk fiksyen seperti drama, rancangan hiburan dan sitcom.

Pengkaji juga mencadangkan supaya usaha yang lebih menyeluruh dilakukan untuk memajukan penerbitan rancangan dokumentari di negara kita. Ini termasuk menyuntik idea baru, menyediakan peruntukan kewangan yang lebih besar dan membuat perancangan yang lebih menyeluruh untuk menghasilkan rancangan dokumentari pada masa hadapan. Ia merangkumi kerja-kerja penyelidikan, skrip, produksi dan juga pemasaran rancangan dokumentari berkenaan. Jika hasilnya baik tetapi tidak disusuli dengan promosi dan pengedaran yang cekap, dokumentari berkenaan tidak akan mendapat sambutan daripada masyarakat.

Sesungguhnya kajian-kajian berkenaan memberi gambaran yang lebih luas mengenai usaha-usaha mendokumentasikan pelbagai dokumentari di negara ini.

Kajian ini akan meneruskan usaha-usaha penyelidikan mengenai amalan penerbitan dokumentari di stesyen televisyen milik kerajaan dengan memberi tumpuan kepada siri '*Salam Nusantara*'.

1.3 MASALAH PENYELIDIKAN

Penyelidikan yang baik memerlukan penumpuan yang berterusan daripada penyelidik. Dalam hal ini, penyelidik membuat penyelidikan suatu bidang yang mempunyai kaitan secara langsung dengan tugas yang sedang dilaksanakan, situasi ini kadang kala mengganggu tugas-tugas penyelidikan.

Jangka waktu yang dirancang untuk membuat penyelidikan ini pula perlu dikorbankan untuk membolehkan penyelidik menyiapkan tugas semasa sebagai penerbit yang perlu bergerak membuat penggambaran siri-siri dokumentari berkenaan. Pada waktu penyelidik menyiapkan kajian ini, dia telah diarahkan oleh RTM untuk menerbitkan siri dokumentari baru *Salam Timur Tengah* iaitu sebuah dokumentari mengenai perkembangan semasa di Arab Saudi dan Mesir.

Penyelidik terpaksa berada di luar negara lebih tiga bulan. Keadaan ini menyebabkan tumpuan penyelidik terhadap penyelidikan ini terganggu dan tertangguh beberapa lama. Namun begitu penyelidik berpendapat tugas-

tugas sebagai penerbit dan turut mengarah siri-siri dokumentari berkenaan membantu penyelidikan kajian ini. Ini kerana amalan produksi sesebuah dokumentari mempunyai cabaran tersendiri dan gaya bekerja yang sentiasa berkembang. Peluang menjelajah ke Arab Saudi dan Mesir, menguruskan pasukan penggambaran di luar negara selama tiga bulan amat berguna dan turut membantu memperkemaskan penyelidikan mengenai amalan penerbitan dokumentari ini.

Penyelidik berpendapat tugas-tugas semasa yang perlu diselesaikan sepanjang tempoh kajian ini dilakukan, membolehkan penyelidik mendalami kaedah dan gaya pengarahan dokumentari yang sentiasa berkembang terutama dalam penggunaan peralatan moden seperti kamera digital yang ringan dan mudah digunakan terutama melibatkan ruang yang kurang cahaya di mana jika menggunakan kamera *betacam*, biasanya memerlukan masa yang lebih panjang untuk memasang lampu bagi mengatasi masalah kekurangan cahaya di lokasi penggambaran.

Situasi ini telah menyebabkan penyelidik terpaksa membahagikan masa dan mengambil waktu yang lebih panjang untuk menyiapkan penyelidikan ini.

1.4 SKOP DAN BIDANG PENYELIDIKAN

Kajian ini akan menumpukan kepada amalan penerbitan dalam penerbitan

Salam Nusantara untuk TV1 di dalam perkara berikut;

- a. Amalan Pengurusan dan Perhubungan
- b. Amalan Editorial
- c. Amalan Produksi dan Pos Produksi
- d. Amalan Pemasaran

1.4.1 Amalan Pengurusan dan Perhubungan melibatkan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan sebelum sesuatu produksi dilaksanakan. Antaranya merujuk kepada perkara berikut;

- i. Menyediakan kertas proposal
- ii. Mendapatkan surat niat, tawaran dan surat pesanan (LO)
- iii. Menguruskan belanjawan produksi
- iv. Mendapatkan kebenaran menjalankan produksi

1.4.2 Amalan editorial di dalam kajian ini merujuk kepada proses kerja yang menjadi kebiasaan di dalam penyediaan konsep dan jalan cerita yang berkaitan dokumentari berkenaan. Antara amalan utama di bahagian editorial ialah;

- i. Membuat penyelidikan awal
- ii. Membina jalan cerita
- iii. Mengumpul bahan
- iv. Menulis skrip

1.4.3 Amalan Produksi dan Pos Produksi pula melibatkan proses kerja dalam penghasilan sesebuah karya dokumentari televisyen. Antaranya melibatkan perkara berikut;

- i. Membuat *Recce*
- ii. Penyediaan peralatan
- iii. Menentukan krew penggambaran
- iv. Menyediakan jadual penggambaran
- v. Membuat penggambaran
- vi. Pos Produksi
 - a. *Shot listing*/penyenaraian
 - b. Terjemahan
 - c. Muzik latar
 - d. Penyuntingan *off-line*
 - e. Penyuntingan *on-line*
 - f. Rakaman suara latar
 - g. *Mixing*

1.4.4 Amalan pemasaran merupakan satu lagi tugas penting bagi memastikan produk dokumentari dapat dijual dan disiarkan di stesyen TV. Antara tugas-tugas utama di dalam pemasaran produk dokumentari adalah;

- i. Perkhidmatan susulan
- ii. Mendapatkan penajaan produksi di lokasi
- ii. Mendapatkan penajaan hadiah kuiz
- iii. Pemasaran susulan selepas siaran

Penerbitan dokumentari *Salam Nusantara* bermula sebaik saja syarikat membuat keputusan untuk menerbitkan dokumentari. Proses kerja penerbitan saling berhubungkait antara satu dengan yang lain dan tidak boleh dilakukan secara berasingan. Oleh itu setiap tenaga produksi perlu bersedia dan memahami tanggungjawab penerbitan siri dokumentari ini.

1.5 KAE DAH PENYELIDIKAN

Kajian ini akan menggunakan beberapa kaedah penyelidikan yang sesuai bagi mendapatkan maklumat dan bahan untuk membantu kajian mengenai amalan penerbitan dokumentari televisyen *Salam Nusantara*. Kaedah tersebut ialah;

- a. Kaedah Penyertaan

- b. Kaedah Temubual
- c. Kaedah Analisa Kandungan

1.5.1 Kaedah Penyertaan

Dalam kaedah ini penyelidik terlibat dan turut serta dalam proses penerbitan dokumentari salam Nusantara. Penyertaan penyelidik sebagai orang yang terlibat sepenuhnya dalam penerbitan ini membolehkan penyelidik mendapat pengalaman sendiri untuk membantu memantapkan lagi penyelidikan mengenai produksi dokumentari *Salam Nusantara*.

Kaedah penyertaan penyelidik sebagai pengurus produksi, merancang kerja-kerja pengurusan di peringkat awal dan sepanjang tempoh penggambaran sangat membantu penyelidikan ini. Selain itu penyelidik juga bertindak sebagai penerbit dan pengarah bersama siri *Salam Nusantara* episod *Lembah Chao Phraya* dan ini sudah tentu membantu memantapkan lagi penyelidikan ini.

1.5.2 Kaedah temubual

Kajian ini akan menggunakan kaedah temubual bagi mendapatkan keterangan secara lisan daripada responden yang terlibat di dalam penerbitan siri *Salam Nusantara* ini. Responden yang dipilih untuk

temubual merupakan krew, pegawai RTM, Pegawai Wisma Putra dan kakitangan syarikat *Anugerah Media Network Sdn. Bhd.*

Melalui kaedah ini penyelidik akan membuat wawancara dengan penerbit dan pengarah siri berkenaan bagi mendapat maklumat yang lebih tepat mengenai amalan penerbitan dokumentari televisyen yang diamalkan di syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd., sesuai dengan keperluan RTM sebagai stesyen televisyen milik kerajaan di negara ini.

Soalan-soalan yang diberi perhatian ialah;

1. Bagaimana proses kerja penerbitan *Salam Nusantara* bermula?
2. Bagaimana syarikat memastikan keselamatan krew semasa membuat penggambaran terjamin?
3. Siapakah pihak-pihak yang berkerjasama membantu produksi ini.
4. Apakah ciri-ciri istimewa rancangan *Salam Nusantara* sehingga pihak RTM masih mengekalkan slot *Salam Nusantara* di TV 1 sehingga musim ke-6?
5. Apakah kelebihan menerbitkan dokumentari berbanding dengan penerbitan rancangan lain?
6. Bagaimana syarikat menguruskan peruntukan kewangan kerana jumlah belian yang ditawarkan agak rendah

berbanding dengan anggaran perbelanjaan yang diperlukan?

7. Bagaimana krew produksi dipilih? Apakah ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi krew *Salam Nusantara*?
8. Apakah kemungkinan halangan yang akan dihadapi sepanjang masa penggambaran?
9. Nyatakan tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh setiap krew penggambaran.
10. Apakah perancangan pemasaran siri *Salam Nusantara* pada masa hadapan ?

Dari soalan-soalan yang dikemukakan, penyelidik berharap mendapat jawapan deskriptif yang boleh membantu penyelidikan mengenai amalan penerbitan dokumentari televisyen *Salam Nusantara*.

Amalan produksi yang dijalankan oleh syarikat *Anugerah Media Network Sdn. Bhd.* memerlukan komitmen yang tinggi dan berharap dengan kaedah temubual, penyelidik dapat mengetahui bagaimana setiap krew bekerja sebagai satu pasukan bagi menjayakan penggambaran ini. Penyelidik juga berharap dapat mengetahui perancangan pemasaran produk *Salam Nusantara* sebelum penggambaran dilakukan. Ini kerana produksi siri

Salam Nusantara saling berkait antara satu amalan dengan amalan yang lain.

1.5.3 Kaedah Analisis kandungan

Melalui kaedah analisis kandungan, penyelidik berharap dapat meneliti maklumat, data-data serta bahan-bahan temubual yang diperolehi bagi mengetahui dengan lebih mendalam mengenai amalan produksi *Salam Nusantara*.

a. Isi kandungan Dokumentari *Salam Nusantara*

Penyelidik memilih dokumentari televisyen *Salam Nusantara* untuk dianalisis kandungan sebagai bukti penyelidikan ini. Penyelidik memilih *Salam Nusantara* episod *Lembah Chraya* untuk di analisis kandungannya berbanding dengan episod lain seperti *Kemboja, Singapura dan Indonesia*.

b. Kajian Perpustakaan

Penyelidik membuat penyelidikan perpustakaan bagi menyokong dan mengukuhkan lagi kajian amalan penerbitan *Salam Nusantara*. Penyelidik meneliti bahan-bahan bacaan umum, keratan akhbar, artikel dan latihan ilmiah yang berkaitan untuk membantu penyelidik melengkapkan penyelidikan ini.

1.6 SUSUNAN PENULISAN

Penyelidik membahagikan kajian ini kepada limat bab utama iaitu;

a. Bab Satu – Pendahuluan

Bab ini menerangkan pengenalan penyelidikan yang dilakukan, objektif kajian, skop penyelidikan, bahan kajian sebelum ini, masalah penyelidikan, kaedah kajian dan susunan penulisan.

b. Bab Dua – Perkembangan Penerbitan Dokumentari

Bab ini menerangkan mengenai definisi, perkembangan penerbitan dokumentari di dalam dan luar negara sejak dahulu. Bab ini dapat membantu menjelaskan sejarah penghasilan dokumentari sebagai bahan khazanah ilmu yang berharga.

c. Bab Tiga – Syarikat Anugerah Media Network dan Salam Nusantara.

Bab ini menerangkan mengenai latar belakang *syarikat Anugerah Media Network* dan penglibatannya di dalam aktiviti media di dalam dan luar negara. Selain itu bab ini juga membincangkan siri dokumentari *Salam*